UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
اونيۏرسيتي ڤنديديقن سلطان ادريس
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

# MEMO

**JABATAN PENDAFTAR**
**BAHAGIAN GOVERNAN**
**TEL. : 05-450 6864 FAKS : 05-459 5429**

Kepada : Semua Kakitangan Universiti

Daripada : Pendaftar

Ruj. Kami : UPSI/PEND/BG1/634 Jld.6 (95)

Tarikh : 30 April 2019
24 Syaaban 1440H

**WAKTU BEKERJA SEPANJANG BULAN RAMADHAN 1440H**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti telah bersetuju agar sepanjang bulan Ramadhan 1440H waktu rehat tengah hari dipendekkan setengah jam bagi membolehkan waktu bekerja ditamatkan awal. Berikut adalah jadual waktu bekerja sepanjang bulan Ramadhan tertakluk kepada Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) yang dipilih iaitu seperti berikut;

| Bil. | Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) | | | | Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) Bulan Ramadan | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **WP1** | | | | **WP5** | | | |
| | **Hari** | **Waktu Bekerja** | **Waktu Rehat** | **Waktu Bekerja** | **Hari** | **Waktu Bekerja** | **Waktu Rehat** | **Waktu Bekerja** |
| | **Isnin - Khamis** | 7.30 pagi - 1.00 petang | 1.00 petang - 2.00 petang | 2.00 petang - 4.30 petang | **Isnin - Khamis** | 7.30 pagi - 1.00 petang | 1.00 petang - 1.30 petang | 1.30 petang - 4.00 petang |
| | **Jumaat** | 7.30 pagi - 12.15 tengahari | 12.15 tengahari - 2.45 petang | 2.45 petang - 4.30 petang | **Jumaat** | 7.30 pagi - 12.30 tengahari | 12.30 tengahari - 2.30 petang | 2.30 petang - 4.00 petang |

| Bil. | Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) | | | | | Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) Bulan Ramadan | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Hari | Waktu Bekerja | Waktu Rehat | Waktu Bekerja | | Hari | Waktu Bekerja | Waktu Rehat | Waktu Bekerja |
| 2. | WP2 | Isnin - Khamis | 8.00 pagi - 1.00 petang | 1.00 petang - 2.00 petang | 2.00 petang - 5.00 petang | WP6 | Isnin - Khamis | 8.00 pagi - 1.00 petang | 1.00 petang - 1.30 petang | 1.30 petang - 4.30 petang |
| | | Jumaat | 8.00 pagi - 12.15 tengahari | 12.15 tengahari - 2.45 petang | 2.45 petang - 5.00 petang | | Jumaat | 8.00 pagi - 12.30 tengahari | 12.30 tengahari - 2.30 petang | 2.30 petang - 4.30 petang |
| 3. | WP3 | Isnin - Khamis | 8.30 pagi - 1.00 petang | 1.00 petang - 2.00 petang | 2.00 petang - 5.30 petang | WP7 | Isnin - Khamis | 8.30 pagi - 1.00 petang | 1.00 petang - 1.30 petang | 1.30 petang - 5.00 petang |
| | | Jumaat | 8.30 pagi - 12.15 tengahari | 12.15 tengahari - 2.45 petang | 2.45 petang - 5.30 petang | | Jumaat | 8.30 pagi - 12.30 tengahari | 12.30 tengahari - 2.30 petang | 2.30 petang - 5.00 petang |
| 4. | WP4 | Isnin - Khamis | 9.00 pagi - 1.00 petang | 1.00 petang - 2.00 petang | 2.00 petang - 6.00 petang | WP8 | Isnin - Khamis | 9.00 pagi - 1.00 petang | 1.00 petang - 1.30 petang | 1.30 petang - 5.30 petang |
| | | Jumaat | 9.00 pagi - 12.15 tengahari | 12.15 tengahari - 2.45 petang | 2.45 petang - 6.00 petang | | Jumaat | 9.00 pagi - 12.30 tengahari | 12.30 tengahari - 2.30 petang | 2.30 petang - 5.30 petang |

3. Pelaksanaan waktu bekerja sepanjang bulan Ramadhan ini tidak terpakai kepada;

   3.1 Staf yang bekerja secara syif.

   3.2 Pensyarah yang tertakluk kepada jadual kuliah.

4. Walau bagaimanapun, pelaksanaan ini adalah bergantung kepada budi bicara Ketua PTj masing-masing tertakluk kepada;

4.1 bagi perkhidmatan kaunter yang perlu dibuka secara berterusan, Ketua Jabatan boleh membuat penyesuaian kepada waktu rehat staf dengan syarat masa rehat staf diganti pada hari yang sama.

4.2 Keutamaan tugas hakiki yang menuntut staf bertugas seperti biasa iaitu 8.00 pagi hingga jam 5.00 petang.

4.3 Bagi staf bukan muslim, boleh memilih mengikut pekeliling ini atau bekerja seperti biasa (8.00 pagi hingga 5.00 petang).

5. Makluman ini dikeluarkan untuk memberi kelonggaran kepada staf membuat persiapan berbuka puasa. Sekiranya staf melakukan kerja lebih masa (OT) atas kepentingan jabatan maka ianya tetap dikira bermula dari jam 5.00 petang.

Sekian, terima kasih.

**"UNIVERSITI NO1. PENDIDIKAN"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DR. HJH. ZAINAB OTHMAN)**